

TALKING POINT***BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN******NAIB CANSELOR*****UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS****SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN****PADA 13 NOVEMBER 2013****DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

KATA-KATA ALUAN

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat warga UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

Asian University Woodball Championship AUWC 2013

2. Alhamdulillah, selesai sudah Kejohanan Woodball Universiti Asia (AUWC) 2013 anjuran bersama UniMAP dengan kerjasama Majlis Sukan Universiti Asean (AUSC) dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) yang berlangsung pada 1 hingga 6 November lalu di mana menyaksikan pasukan daripada Thailand telah mengungguli bagi kedua-dua kategori lelaki dan

wanita. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua jawatankuasa yang telah bertungkus lumus bekerja keras dalam memastikan kejohanan ini berjalan lancar, terutama sekali kepada Pusat Sukan UniMAP. Sesungguhnya hanya Allah yang dapat membala jasa baik tuan-tuan semua.

3. Lebih manis lagi pada Majlis Perasmian AUWC yang diadakan di Dewan 2020 juga, kita telah menjalankan satu MoU bersama Mongolian Uvs. Labour Institute (MLI) yang diwakili Presidennya, Prof. Ts. Lumjav. Majlis menandatangani MoU itu juga disaksikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Yang Berhormat Tuan Romli Dai.
4. Menerusi perjanjian tersebut, UniMAP dan MLI telah bersetuju pada dasarnya untuk mengembangkan kerjasama bukan sahaja dalam aspek sukan, malah turut membabitkan kerjasama akademik, penyelidikan, sumber manusia dan hal ehwal pelajar.

5. Saya berharap ia akan membuka peluang kepada kedua-dua universiti untuk saling berkongsi maklumat, kepakaran selain membolehkan program pertukaran pelajar dan staf dilaksanakan pada masa hadapan.

Hadirin dan hadirat sekalian

Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2013

6. Baru-baru ini kita bersama-sama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2013 (PECIPTA) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Alhamdulillah UniMAP telah berjaya meraih meraih 16 Emas, 19 Perak dan 16 Gangsa termasuk bagi kategori penyelidikan Institut Pengajian Tinggi dan penyelidik muda ENVEX Young Researcher Club (EYReC).

7. Lebih membanggakan lagi, tiga produk penyelidik kita telah menerima Anugerah Khas daripada ‘Association of Polish Inventors Rationalizes Poland’ bagi produk ‘Sea-Eye : A Super Sea Surveillance System’ oleh Prof. Madya Dr Hazry Desa dan daripada ‘Korea Inventors News’ (KINEWS) menerusi produk ‘Value Added Product From Refined EBN Waste For The Cosmetic Industry’ oleh Prof. Madya Dr Zainab Hamzah serta Prof Madya Dr Iqbal Omar menerusi produk ‘Rapid Bacteria Species Detection For Diabetic Foot Infection’ daripada ‘International Intellectual Property Network Forum (IIPNF)’. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada penyelidik serta jawatankuasa yang terlibat dalam penganjuran PEKIPTA 2013 ini.
8. Saya difahamkan persaingan kali ini lebih sengit kerana jumlah produk yang dipertandingkan meningkat iaitu 493 produk berbanding penganjuran tahun 2011 iaitu 468 produk. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana kita masih mampu untuk mengekalkan kejuaraan yang kita kecapi selama ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

Majlis Menandatangani MoU Passage to ASEAN, Rangsit University, Thailand

9. UniMAP kini sedang berusaha untuk membantu menggerakkan mobiliti ASEAN di peringkat pengajian tinggi. Atas kesedaran itu, kita telah memeterai satu MoU bersama sekretariat Passage to ASEAN (P2A) dari Rangsit University (RSU), Thailand. RSU diwakili Penolong Presiden bagi Hal Ehwal Antarabangsa, Jerome Schedlar. P2A merupakan program kerjasama diantara universiti-universiti di negara ASEAN yang bertujuan menggalakkan pergerakan pelajar di rantau ini beserta memberi pendedahan silang budaya kepada mereka. Program ini adalah sejajar dengan hasrat untuk merealisasikan komuniti ASEAN yang berteraskan Keselamatan, Ekonomi dan Kebudayaan.

10. UniMAP sentiasa menyokong hasrat untuk mengaktifkan jaringan kerjasama di rantau ASEAN, seperti contoh program yang kita anjurkan iaitu Asia Summer Program dan i-ENVEK yang telah mencapai kejayaan yang luarbiasa. Di samping itu juga, kedua-

dua juga membincangkan cadangan kerjasama akademik dan pembangunan staf serta pelajar.

Hadirin dan hadirat sekalian

Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia
Kali ke 38

11. Di kesempatan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kontingen UniMAP kerana berjaya meraih tujuh pingat emas, dua perak dan satu gangsa sekaligus mengungguli Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Kali ke 38 buat kali keenam berturut-turut.

12. Saya difahamkan pingat emas disumbang oleh acara bola sepak senior, bola tampar lelaki, tenis campuran, futsal wanita, woodball campuran, olahraga lelaki senior dan olahraga wanita senior. Manakala pingat perak disumbangkan dari acara boleh padang lelaki dan tenpin bowling lelaki serta pingat gangga diperoleh melalui acara hoki.

13. Saya amat berbangga kerana kita dapat meninggalkan jauh Universiti Malaya di tempat kedua dengan empat pingat Emas serta empat gangsa dan tempat ketiga menjadi milik Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan tiga emas, enam perak dan dua gangsa.

Hadirin dan hadirat sekalian

Anugerah Kualiti SIRIM 2013

14. Sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya umumkan di sini bahawa Universiti Malaysia Perlis telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Kualiti SIRIM 2013 (Organisasi) untuk Katagori 4 di mana upacara penyampaian Anugerah Kualiti SIRIM 2013 yang akan diadakan pada **Majlis SIRIM-Industri 2013** pada **15 November 2013** bertempat di **Sunway Resort Hotel & Spa, Subang Jaya, Selangor**. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Prof. Madya Abdul Aziz Mahmuddin serta Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK) di atas kejayaan ini. Ini bukanlah kejayaan PUSPEK semata-mata, malahan ianya adalah kejayaan kita semua, warga UniMAP.

Hadirin dan hadirat sekalian

PENUTUP

15. Rasanya tidak perlu untuk saya berucap dengan lebih panjang lagi, semoga apa yang saya sampaikan pada pagi ini akan menjadi iktibar serta dapat meningkatkan semangat kita semua bagi mengharumkan nama UniMAP di masa akan datang.

Sekian,

Saya sudahi ucapan saya dengan ucapan Wabillahi
Taufik Walhidayah Wassalammualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.